

**PENYAMPAIAN MESEJ DALAM INTERPRETASI
BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM) DAN
INTERPRETASI BAHASA ISYARAT
KOMUNIKASI (BIK)**

SITI ZAHARAH BINTI ABDUL RAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**PENYAMPAIAN MESEJ DALAM INTERPRETASI
BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM) DAN
INTERPRETASI BAHASA ISYARAT
KOMUNIKASI (BIK)**

oleh

SITI ZAHARAH BINTI ABDUL RAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mei 2025

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, thumma Alhamdulillah. Setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran diucapkan kepada Allah S.W.T. atas limpah rahmat dan keizinan-Nya atas kurniaan nikmat kesihatan, sehingga kajian ini berjaya dinoktahkan. *Alhamdulillah.* Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dititipkan buat semua yang membantu menjayakan kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung, terutamanya:

1. Dr. Leelany Ayob selaku penyelia kajian yang tidak pernah jemu dan sabar dalam mendidik, memberi tunjuk ajar dan motivasi, serta mendoakan agar kajian ini disiapkan dengan jayanya;
2. Ayah, Abdul Rahim bin Said, dan emak, Rose Izamrin binti Awi, serta seluruh ahli keluarga yang tidak putus-putus membantu dan mendoakan kejayaan ini;
3. Para jurubahasa dari Persatuan Orang Pekak Malaysia (MFD), para guru dan para murid dari Sekolah Rendah Pendidikan Khas Alor Setar, Kedah dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Pulau Pinang yang sudi membantu dan bekerjasama sebagai peserta kajian;
4. Sahabat-sahabat, Amira, Balqis, Hannani, Syazana, Nadira, Yasmin, Zarifah serta ramai lagi yang sentiasa memberi dorongan, mendengar keluhan dan membakar semangat sepanjang perjalanan menyiapkan kajian ini;
5. Rakan-rakan seperjuangan, khususnya di Universiti Sains Malaysia dan para penarah BATI yang sentiasa memberi nasihat dan galakan dalam perjalanan ijazah sarjana ini.

Semoga setiap daripada mereka sentiasa dimurahkan rezeki, sihat tubuh badan dan berada dalam lindungan payung rahmat-Nya.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif dan Persoalan Kajian	10
1.4 Kerangka Teori.....	11
1.5 Metodologi	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian.....	14
1.8 Definisi Konsep.....	14
1.9 Organisasi Kajian	16
1.10 Carta Alir Kajian	18
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	19
2.1 Bahasa Isyarat	19
2.1.1 Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).....	24
2.1.2 Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK)	25
2.2 Interpretasi Bahasa Isyarat	30
2.3 Terjemahan Intersemiotik	37

2.4	Penyampaian Mesej dalam Interpretasi Isyarat.....	41
2.5	Kerangka Teori.....	48
2.5.1	Model Interaksi Pöchhacker (1992)	48
2.5.2	Teori Pelengkap Intersemiotik (<i>Intersemiotic Complementary</i>) (Royce, 2007)	50
2.5.3	Penilaian Prestasi berdasarkan <i>Performance Assessment Tool</i> (PAT) (Choi, 2005)	54
2.6	Rumusan Bab	57
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		60
3.1	Data kajian	60
3.2	Kaedah Penyelidikan.....	63
3.3	Lokasi Kajian	66
3.4	Populasi Kajian	67
3.5	Kriteria Peserta.....	67
3.6	Alatan Kajian	68
3.7	Kaedah Kutipan Data	68
3.7.1	Soal Selidik Bahagian 1: Maklumat Diri	70
3.7.2	Soal Selidik Bahagian 2: Kemahiran Berbahasa Isyarat	71
3.7.3	Soal Selidik Bahagian 3: Keperluan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat	73
3.7.4	Soal Selidik Bahagian 4: Pemahaman Mesej.....	74
3.8	Pengkelasan Data	77
3.9	Rumusan Bab	77
BAB 4 HASIL KAJIAN.....		79
4.1	Kajian Kuantitatif: Soal Selidik	79
4.1.1	Bahagian 1: Maklumat Diri.....	80
4.1.2	Bahagian 2: Kemahiran Berbahasa Isyarat	82
4.1.3	Bahagian 3: Keperluan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat	85

4.1.4	Bahagian 4: Pemahaman Mesej	88
4.2	Kesimpulan Pemahaman Pelajar Terhadap Interpretasi dalam BIM dan BIK94	
4.2.1	Murid yang Memilih Video A (BIM).....	95
4.2.2	Murid yang Memilih Video B	97
4.2.3	Perbandingan Peratusan Pemilihan Video Interpretasi	99
4.3	Analisis Data	99
4.3.1	Kategori Ketepatan.....	100
4.3.2	Kategori Ekspresi	105
4.3.3	Kategori Penyampaian	111
4.4	Rumusan Bab	118
	BAB 5 KESIMPULAN	121
5.1	Menjawab Persoalan Kajian I	122
5.2	Menjawab Persoalan Kajian II	124
5.3	Menjawab Persoalan Kajian III.....	128
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	130
	RUJUKAN.....	131
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1	Perbandingan Peratusan Pemilihan Video BIM dan Video BIK 99
Jadual 2	Contoh 1 Kategori Ketepatan..... 100
Jadual 3	Contoh 2 Kategori Ketepatan..... 102
Jadual 4	Contoh 3 Kategori Ketepatan..... 104
Jadual 5	Contoh 1 Kategori Ekspresi 106
Jadual 6	Contoh 2 Kategori Ekspresi 107
Jadual 7	Contoh 3 Kategori Ekspresi 109
Jadual 8	Contoh 1 Kategori Penyampaian 111
Jadual 9	Contoh 2 Kategori Penyampaian 113
Jadual 10	Contoh 3 Kategori Penyampaian 116

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1	Model Interaksi oleh Pöchhacker (1992)..... 49
Rajah 2	Teori Pelengkap Intersemiotik oleh Royce (2007) 51
Rajah 3	Penilaian prestasi berdasarkan Performance Assessment Tool (PAT) oleh Choi (2005)..... 56
Rajah 4	Umur responden..... 80
Rajah 5	Tahap Pendidikan..... 80
Rajah 6	Kepastian Responden Belajar di Sekolah untuk Pelajar Berkeperluan Khas..... 81
Rajah 7	Kepastian Responden sebagai OKU Pendengaran 81
Rajah 8	Jenis Bahasa Isyarat yang Dikuasai 82
Rajah 9	Bahasa Isyarat yang Menjadi Keutamaan dalam Berkomunikasi..... 83
Rajah 10	Tahap Penguasaan dalam Berbahasa Isyarat..... 83
Rajah 11	Kekerapan Berbahasa Isyarat..... 84
Rajah 12	Sumber Pembelajaran Bahasa Isyarat 85
Rajah 13	Pengalaman Menggunakan Khidmat JBI..... 86
Rajah 14	Tujuan Penggunaan Khidmat JBI 86
Rajah 15	Pendapat Mengenai Perkhidmatan JBI 87
Rajah 16	Ciri-ciri yang Perlu Ada dalam Diri Seorang JBI..... 87
Rajah 17	Faktor yang Menjadi Keutamaan dalam Memahami Penyampaian JBI..... 88
Rajah 18	Jenis Haiwan yang Menjadi Watak dalam Video A dan Video B..... 89
Rajah 19	Aktiviti Haiwan yang Diceritakan dalam Video A dan Video B..... 89
Rajah 20	Haiwan Pemenang dalam Video A dan Video B..... 90
Rajah 21	Video Penyampaian JBI yang Lebih Jelas..... 90
Rajah 22	Sebab Video A atau Video B Menjadi Pilihan 91

Rajah 23	Kepentingan Cara JBI Melakukan Interpretasi dalam Memahami Mesej.....	92
Rajah 24	Sebab Cara JBI Melakukan Interpretasi Memainkan Peranan dalam Memahami Mesej.....	92
Rajah 25	Kelemahan yang Terkandung dalam Video yang Tidak Dipilih	93
Rajah 26	Aspek Penambahbaikan untuk Memastikan JBI Menyampaikan Mesej yang Berkesan dan Difahami	94
Rajah 27	Sebab Responden Memilih Video A.....	95
Rajah 28	Kelemahan yang Terkandung dalam Video B	96
Rajah 29	Sebab Responden Memilih Video B.....	97
Rajah 30	Kelemahan yang Terkandung dalam Video A.....	98

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

ASL	<i>American Sign Language</i>
Auslan	Bahasa Isyarat Australia
BIK	Bahasa Isyarat Komunikasi
BIM	Bahasa Isyarat Malaysia
COVID-19	Coronavirus
JB1	jurubahasa isyarat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KBAT	kemahiran berfikiran aras tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KTBM	Kod Tangan Bahasa Malaysia
LSF	Bahasa Isyarat Perancis
MFD	Persekutuan Orang Pekak Malaysia
mod sasaran	cara penyampaian terhadap khalayak pilihan
PAT	<i>Performance Assessment Tool</i>
PdP	pengajaran dan pembelajaran
PSL	<i>Pidgin Sign Language</i>
RID	<i>Registry of Interpreter for the Deaf</i>
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SEE	<i>Signing Exact English</i>
SFL	<i>Sistem Functional Linguistic</i>
TSL	Bahasa Isyarat Thailand
VMEs	Elemen Mesej Visual

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Teks Sumber
Lampiran B	Soalan-Soalan Temu Bual bersama JBI BIM
Lampiran C	Soalan-Soalan Temu Bual bersama JBI BIK
Lampiran D	Transkripsi Interpretasi BIM
Lampiran E	Transkripsi Interpretasi BIK
Lampiran F	Borang Soal Selidik
Lampiran G	Surat Kebenaran Melakukan Kajian daripada Kementerian Pelajaran Malaysia
Lampiran H	Surat Kebenaran Melakukan Kajian daripada JEPeM
Lampiran I	Borang Keizinan Peserta
Lampiran J	Borang Keizinan Ibu/Bapa/Penjaga Peserta

PENYAMPAIAN MESEJ DALAM INTERPRETASI BAHASA ISYARAT

MALAYSIA (BIM) DAN INTERPRETASI BAHASA ISYARAT

KOMUNIKASI (BIK)

ABSTRAK

Kekurangan jurubahasa isyarat (JBI) di Malaysia merupakan satu permasalahan yang perlu diberi perhatian. Berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021), di Malaysia, hanya terdapat 0.24 peratus JBI yang berdaftar dengan Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) jika dibandingkan dengan seramai 40,389 Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2020. Menerusi kerjasama pelbagai pihak, masalah ini perlahan-lahan sedang diatasi supaya komuniti pekak di Malaysia boleh menerima maklumat dan berkomunikasi dengan lebih baik dengan komuniti bukan pekak. Kajian ini memberi penekanan terhadap penyampaian mesej dalam interpretasi bahasa isyarat dengan menjadikan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) sebagai bahasa isyarat utama dalam kajian. Kajian ini dilakukan bagi memenuhi tiga objektif iaitu (i) menerangkan penggunaan BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat oleh JBI di Malaysia, (ii) membandingkan unsur semiotik dalam penyampaian interpretasi dalam BIM dan BIK dan (iii) mengkaji pemahaman khalayak berdasarkan mesej yang diinterpretasikan jurubahasa menggunakan BIM dan BIK. Tiga jenis model kajian digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Interaksi Pöchhacker (1992), Teori Pelengkap Intersemiotik (Royce, 2007) dan Penilaian Prestasi berdasarkan *Performance Assessment Tool* (PAT) (Choi, 2005). Kajian ini menggunakan dua jenis kaedah penyelidikan iaitu kaedah kajian kualitatif dan kaedah kajian kuantitatif. Data

yang dihasilkan diperoleh daripada hasil temu bual bersama 12 JBI yang merupakan JBI dan guru-guru murid pekak yang berpengalaman. Selain itu, kajian soal selidik yang disertai 60 responden yang terdiri daripada para murid pekak di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah dilakukan bagi mengkaji pemahaman khalayak terhadap interpretasi dalam BIM dan BIK. Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti dan menjelaskan peranan BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat yang dilakukan di Malaysia. Meskipun kedua-duanya digunakan dalam berkomunikasi, pembentukan dan cara penggunaan kedua-dua bahasa isyarat tersebut mempunyai kekurangan dan kekuatan tersendiri dalam konteks komunikasi bahasa isyarat. Seterusnya, pengkaji mendapati responden lebih memahami penyampaian interpretasi BIM berbanding interpretasi BIK. Hal ini dipengaruhi pelbagai faktor seperti pengaruh latar belakang sosiobudaya JBI dan kemahiran pelajar dalam memahami isyarat yang digunakan. Unsur semiotik seperti gerak bibir dan mimik muka dalam penyampaian interpretasi dilihat mempunyai pengaruh penting dalam pemahaman khalayak terhadap mesej yang disampaikan oleh JBI. Kajian ini diharapkan boleh memberi manfaat kepada para JBI di seluruh Malaysia berkaitan pemahaman OKU Pendengaran terhadap cara dan gaya penyampaian interpretasi yang dilakukan.

**MESSAGE DELIVERY IN MALAYSIAN SIGN LANGUAGE (MySL) AND
COMMUNICATION SIGN LANGUAGE (BIK- *BAHASA ISYARAT*
KOMUNIKASI)**

ABSTRACT

The lack of sign language interpreters (SL Interpreter) in Malaysia is a problem that requires our attention. Based on the annual report issued by the Ministry of Women, Family and Community Development (2021), in Malaysia, there are only 0.24 percent of JBI registered with the Malaysian Federation of the Deaf (MFD) as compared to a total of 40,389 Hearing Impaired People registered with Department of Social Welfare (JKM) in 2020. Through the cooperation of various parties, this problem is slowly being overcome so that the deaf community in Malaysia can receive information and communicate better with the non-deaf community. This study emphasizes the delivery of messages in sign language interpretation through the use of Malaysian Sign Language (MySL) and Communication Sign Language (BIK) as the main sign languages in the study. This study was carried out to fulfill three objectives, which are (i) to explain the use of BIM and BIK in sign language interpretation by SL Interpreters in Malaysia, (ii) to compare the differences in semiotic elements in the delivery of interpretation in BIM and BIK and (iii) to investigate the understanding of the audience based on the message interpreted by the interpreter using BIM and BIK. Pöchhacker's Interactive Model (1992), Intersemiotic Complementary Model (Royce, 2007) and *Performance Assessment Tool* (PAT) (Choi, 2005) were used as research models for this study. Two types of research studies were used in this research, which are the qualitative research methods and the quantitative research methods. The data in this study were obtained from the results of interviews with 12 SL Interpreters consisted of

experienced SL Interpreters and teachers of the deaf students. In addition, a questionnaire survey involving 60 respondents consisted of deaf students in secondary and primary school levels was conducted to see the audience's understanding of interpretation in BIM and BIK. Based on this study, the researcher was able to identify and explain the role of BIM and BIK in sign language interpretation in Malaysia. Although both languages are used in communication, the formation and the usage of the sign languages have their own strengths and weaknesses when they are used for communication. Next, the researcher found that the respondents have a better understanding in the delivery of BIM interpretations as compared to BIK interpretations. This is influenced by various factors such as the SL Interpreters' social culture backgrounds and the students' skills in understanding the signs. The semiotic elements such as mouthing and face expressions in the delivery of interpretation are seen to have an important influence towards the audience's understanding of the message delivered by the SL Interpreters. This study is expected to be beneficial to SL Interpreters throughout Malaysia in relation to the understanding of the Deaf regarding the presentation method and style of interpretation.

BAB 1

PENGENALAN

Menurut Persekutuan Orang Pekak Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai MFD (2018), titik permulaan bagi perkhidmatan jurubahasa isyarat di Malaysia tidak diketahui bermula sejak tahun keberapa. Sebelum perkhidmatan jurubahasa isyarat yang rasmi diadakan, kebiasaannya ibu bapa, ahli keluarga ataupun rakan terdekat warga pekak yang menjalankan tugas bagi membantu memenuhi keperluan komunikasi warga pekak dalam urusan perubatan, urusan rasmi dan pelbagai urusan berkaitan dengan komunikasi.

Kecacatan warga pekak tidak boleh diketahui hanya dengan melihat kerana warga pekak secara zahirnya nampak sama sahaja seperti warga bukan pekak. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2018), perkataan “normal” merujuk kepada satu keadaan yang biasa atau menjadi kebiasaan dalam sesuatu hal atau keadaan. Bagi warga pekak, seseorang individu tidak dianggap sebagai tidak normal hanya kerana individu tersebut mempunyai kecacatan atau kekurangan upaya, justeru dalam kalangan warga pekak sendiri, kebanyakan mereka ialah individu normal yang menjalani rutin harian seperti orang yang bukan bukak atau mereka yang boleh mendengar. Oleh sebab itu, warga bukan pekak tidak dilabel sebagai orang normal dalam kajian ini dan dirujuk sebagai warga bukan pekak.

Pada sekitar tahun 1960-an, Tan Yap menjadi jurubahasa isyarat dalam kes mahkamah yang pertama mendapat pentauliahkan daripada *Registry of Interpreter for the Deaf* (RID), Amerika Syarikat. Keperluan jurubahasa isyarat bertauliah, yang kemudiannya meningkat, membawa kepada perlantikan guru-guru sekolah pekak menjadi jurubahasa isyarat secara rasmi.

Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur telah memulakan usaha dalam menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat secara percuma untuk warga pekak pada tahun 1988. MFD kini menjadi satu-satunya organisasi bukan kerajaan di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat yang berkhidmat dalam semua urusan rasmi, mahkamah, pelajaran, pekerjaan, kaunseling, mesyuarat dan persidangan, keagamaan dan pelbagai bentuk komunikasi yang diperlukan warga pekak.

Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan jurubahasa dalam menyampaikan mesej kepada khalayak sasaran yang terdiri daripada mereka yang merupakan Orang Kurang Upaya Pendengaran (OKU Pendengaran). Jurubahasa dalam kajian ini merujuk kepada seseorang yang menterjemahkan atau menukarkan satu bahasa kepada bahasa yang lain secara lisan seperti yang didefinisikan oleh Ehliion Team (2021). Jurubahasa yang dilantik mestilah terlatih dan boleh menyampaikan mesej bahasa sumber dalam bahasa sasaran dengan mengambil kira aspek budaya, dialek, gaya dan nada pengujar agar pendengar atau penerima konteks komunikasi yang terlibat boleh memahami penyampaian tersebut dengan baik seperti mana mesej tersebut disampaikan dalam bahasa sumber (The National Council on Interpreting in Health Care, 2011 & American Translators Association, 2022).

Jurubahasa juga dilihat sebagai perantara yang membolehkan berlakunya komunikasi lisan yang berkesan antara individu atau masyarakat berlainan bahasa dan budaya yang mana interpretasi tersebut berlaku dalam tekanan masa yang menghadkan jurubahasa daripada melakukan penyemakan atau pembetulan (Noraini Ibrahim-Gonzalez, 2016 & Glosari Pengajian Penterjemahan, 2020).

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan antara Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dengan Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) dalam penyampaian interpretasi

dengan memberi penumpuan terhadap penyampaian mesej interpretasi dalam kedua-duanya. Jurubahasa isyarat menjadi pengantara antara warga pekak dan warga bukan pekak untuk berkomunikasi dan memahami satu sama lain. Komunikasi antara warga pekak melibatkan bahasa visual seperti penggunaan bahasa isyarat dan alat bantu visual serta sentuhan.

Warga pekak “berbual” menggunakan gerakan tubuh, mimik muka dan sentuhan. Berbeza dengan warga bukan pekak yang menyapa atau memulakan perbualan dengan menegur rakan perbualan menggunakan suara, warga pekak akan menyentuh bahu dan duduk secara berhadapan dengan satu sama lain untuk berkomunikasi. Kajian ini dilakukan berdasarkan pengalaman pengkaji dengan komuniti pekak dan melalui metodologi yang akan diterangkan dalam Bahagian 1.5.

1.2 Pernyataan Masalah

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021) menyatakan, berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2021), terdapat sejumlah 95 orang jurubahasa isyarat berdaftar di bawah MFD. Jumlah ini hanya meliputi 0.24 peratus jika dibandingkan dengan seramai 40,389 Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2020.

Kekurangan jurubahasa isyarat rasmi yang berdaftar sememangnya memberi cabaran kepada warga pekak untuk mendapatkan akses maklumat yang jelas dan terkini. Dengan penularan wabak Coronavirus (COVID-19) yang telah meragut berpuluh ribu nyawa rakyat Malaysia, usaha untuk menyediakan maklumat yang mudah diakses warga pekak semakin giat dijalankan seperti penyisipan jurubahasa bahasa isyarat pada kaca televisyen semasa pengumuman rasmi, video-video berkaitan COVID-19 dan infografik yang disediakan pihak kerajaan.

Muhamad Nadhir Abdul Nasir dan Alfa Nur Aini Erman Efendi (2020) dalam penulisan mereka menyatakan kekurangan jurubahasa isyarat (JBI) di Malaysia mempengaruhi dan memberi impak dalam memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan budaya warga pekak. Melihat isu ini sebagai satu masalah yang perlu diatasi, mereka mengenal pasti empat bahagian utama yang perlu diberi perhatian dalam penambahbaikan perkhidmatan JBI di Malaysia iaitu perekrutan dan pensijilan, gaji yang kompetitif dan persekitaran kerja yang kondusif, skim persaraan untuk JBI serta penyediaan peralatan berkaitan pekerjaan. Saranan dan cadangan oleh Muhamad Nadhir Abdul Nasir dan Alfa Nur Aini Erman Efendi (2020) diharapkan dapat membantu mencetuskan idea bagi mengatasi krisis kekurangan JBI di negara ini, justeru membantu warga pekak berkomunikasi dengan lebih baik bagi menjalani hidup dengan lebih selesa, sama seperti mereka yang bukan pekak.

Dalam konteks penggunaan bahasa isyarat di Malaysia, Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM) menjadi bahasa isyarat pertama yang digunakan secara rasmi pada tahun 1984 menerusi penerbitan buku isyarat KTBM oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pelajar pekak untuk belajar dengan sistem bahasa mereka yang tersendiri. Namun begitu, KTBM dilihat sebagai satu bahasa yang baku dan mengikut satu per satu struktur bahasa Melayu lisan sebagaimana yang digunakan mereka yang bukan pekak. Hal ini menjadikan KTBM kurang sesuai digunakan sebagai bahasa komunikasi harian warga pekak pada ketika itu. Sama seperti bahasa-bahasa lisan, penyampaian isyarat warga pekak berbeza mengikut konteks situasi komunikasi mereka. KTBM dilihat sebagai satu bahasa yang formal dan kurang sesuai digunakan untuk berkomunikasi secara santai dalam kehidupan seharian mereka.

Rentetan daripada itu, satu lagi bahasa isyarat iaitu BIM telah diwartakan sebagai bahasa isyarat rasmi Malaysia pada tahun 2008 melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 atau Akta 685 (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2018). Meskipun menjadi satu bahasa rasmi, BIM tidak diajar secara khusus atau dijadikan satu subjek rasmi dalam pembelajaran pelajar pekak di Malaysia. Hal ini kemudiannya dilihat sebagai satu masalah dalam kalangan pelajar pekak yang hanya belajar menggunakan KTBM semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan membataskan komunikasi mereka ketika berada bersama komuniti pekak yang lain. Perbezaan isyarat dan kod tangan yang wujud kadangkala menyebabkan kekeliruan dan mengurangkan kefasihan pelajar pekak dalam komunikasi bersama warga pekak yang menggunakan BIM semata-mata.

Pada tahun 2014, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mula memperkenalkan satu sistem bahasa isyarat yang menggabungkan isyarat-isyarat atau kod-kod tangan dalam KTBM, BIM, *American Sign Language* (ASL) dan *Signing Exact English* (SEE) yang dikenali sebagai Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) (Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Rodhiha, Nor Azizah & Mohd Noor Aszlan, 2016). BIK kemudiannya diajar secara rasmi pada tahun 2016 melalui subjek Bahasa Isyarat Komunikasi yang diperkenalkan kepada pelajar pekak pada tahap sekolah rendah. BIK diharapkan dapat membantu pelajar pekak berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan komuniti warga pekak dan bukan warga pekak. Disebabkan BIM dan BIK mempunyai satu titik persamaan iaitu sebagai bahasa isyarat komunikasi, pengkaji ingin melihat dan mengkaji dengan lebih mendalam tentang keberkesanan kedua-dua bahasa tersebut terhadap pemahaman warga pekak dari aspek penyampaian mesej.

Mesej, menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (PRPM, 2021), ialah buah fikiran, idea, pengajaran dan lain-lain yang hendak disampaikan dalam sesuatu ucapan, karya

dan lain-lain. Dalam penyampaian interpretasi, mesej dijadikan panduan utama dalam pemilihan perkataan atau isyarat yang bersesuaian bagi memastikan sesuatu konteks komunikasi itu difahami oleh khalayak sasaran (Namy, 1978; Hasuria Che Omar, 2009 & Napier, 2016). Tanpa mesej, sesuatu komunikasi yang berjaya tidak akan terhasil, justeru penyampaian mesej yang berkesan dan betul diperlukan bagi menyalurkan maklumat berkaitan topik atau isu yang sedang dibincangkan oleh dua pihak yang berkomunikasi. Tanpa mesej, kesefahaman tidak akan dapat dicapai dan menjadi tugas jurubahasa untuk menyampaikan sesuatu konteks komunikasi dengan berkesan dalam situasi yang mana dua pihak yang mempunyai pemahaman bahasa dan budaya yang berlainan cuba untuk berkomunikasi.

Pemantapan penggunaan bahasa isyarat juga penting selari dengan keperluan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 (Urbanice Malaysia, 2020). Penggunaan bahasa isyarat yang menyeluruh dapat membantu orang kurang upaya pendengaran dalam mencapai taraf kualiti hidup yang lebih baik dan mampan. Bahasa isyarat merupakan satu alat komunikasi yang penting bagi komuniti pekak, yang mana bahasa isyarat menjadi cara utama bagi seseorang individu pekak untuk melibatkan diri secara sepenuhnya dalam persekitaraan dan masyarakat sekeliling. Namun, kurangnya penyebaran tentang pemahaman dan penggunaan bahasa isyarat dalam kalangan masyarakat menjadi satu penghalang bagi komuniti pekak yang membawa kepada pengasingan sosial serta peluang pendidikan dan capaian perkhidmatan penting yang terhad. Kajian Humphries et. al. (2012) menunjukkan individu pekak yang tidak menerima pendidikan bahasa isyarat yang mencukupi akan berdepan cabaran dalam perkembangan kognitif, pencapaian akademik dan intergrasi sosial. Tambahan pula, menurut McKee dan Paasche-Orlow (2012), kekurangan JBI dalam perkhidmatan awam seperti penjagaan kesihatan dan perundangan menjadi penghalang yang besar

dalam kebolehan individu pekak menerima layanan perkhidmatan yang setara dengan mereka yang bukan pekak. Cabaran ini perlu ditangani bagi memastikan warga pekak boleh melibatkan diri sepenuhnya dalam masyarakat dan meningkatkan kualiti hidup mereka melalui penyediaan perkhidmatan awam menggunakan bahasa isyarat.

Matlamat 4 dalam SDG iaitu Pendidikan Berkualiti berkait rapat dengan penggunaan bahasa isyarat secara eksklusif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penyepaduan bahasa isyarat di Malaysia dalam kurikulum kebangsaan dapat memastikan pelajar pekak mendapat pendidikan dalam bahasa yang mereka fahami dan memupuk persekitaran pembelajaran inklusif (UNESCO, 2020). Hal ini bukan sahaja membantu mencapai matlamat pendidikan sejagat tetapi turut memperkasakan individu pekak menerusi penyediaan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan warga pekak bagi memenuhi peluang masa hadapan.

Kepentingan pemahaman dan penguasaan bahasa isyarat bukan sahaja melibatkan pelajar pekak, malah turut melibatkan aspek pengajaran oleh guru-guru pelajar pekak. Hal ini bertepatan dengan penerangan Matlamat 4 yang menekankan aspek akses pendidikan yang sama rata bagi semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk kumpulan berisiko, termasuk orang kurang upaya, orang asli, dan kanak-kanak berisiko (Urbanice Malaysia, 2020). Guru-guru yang terlatih dalam melaksanakan PdP dalam bahasa isyarat bukan sahaja mampu memastikan komunikasi antara pelajar pekak dengan guru berjalan lancar, malah membantu para pelajar pekak dapat memahami sesi PdP yang dijalankan dengan baik (UNICEF, 2019).

Wawasan SDG 2030 memberi penekanan terhadap keperluan untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang menyeluruh dan saksama, pengurangan ketidaksetaraan dan memupuk masyarakat yang aman dan menyeluruh. Namun begitu,

pengiktirafan dan intergrasi bahasa isyarat dalam sistem pendidikan dan perkhidmatan awam yang kurang menjadi satu penghalang yang jelas kepada komuniti pekak dalam mencapai wawasan-wawasan SDG 2030 (UNESCO, 2020). Tambah UNESCO (2020), tanpa sokongan dan penerimaan bahasa isyarat yang meluas, warga pekak berhadapan risiko ketinggalan dalam pencapaian akademik dan sosioekonomi. Menurut Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (2020), pengasingan bahasa isyarat daripada inisiatif arus perdana akan menjejaskan usaha dalam memastikan tiada pihak yang ketinggalan, terutamanya dalam Wawasan 4 (Pendidikan Berkualiti) dan Wawasan 10 (Mengurangkan Ketaksamarataan). Bagi merealisasikan agenda SDG 2030, penerapan bahasa isyarat dalam setiap polisi dan amalan adalah penting bagi memastikan individu pekak mempunyai capaian yang sama terhadap peluang dan sumber yang diterima oleh individu bukan pekak.

Selain Matlamat 4, pemantapan komunikasi bahasa isyarat juga memberi impak kepada Matlamat 8 SDG iaitu Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi. Lahirnya generasi yang bijak pandai dalam kalangan warga pekak sendiri akan membantu komuniti pekak dalam mendapatkan pekerjaan yang baik, seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi menerusi penglibatan mereka menerusi pekerjaan masing-masing. Wawasan SDG 2030 menerangkan, “Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama” (Urbanice Malaysia, 2020).Memastikan tempat kerja boleh diakses adalah kunci untuk komuniti pekak mencapai wawasan ini menerusi penyediaan JBI semasa temu duga kerja, mesyuarat dan sesi latihan, serta memastikan dasar tempat kerja merangkumi keperluan pekerja pekak (ILO, 2019). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat pemantapan penguasaan BIK dan BIM dari usia muda

adalah sangat penting bagi memastikan setiap individu pekak di Malaysia dapat berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa isyarat. Penguasaan bahasa isyarat yang baik oleh seseorang individu pekak bukan sahaja akan membuka banyak ruang dan peluang kepada individu itu sendiri, tetapi turut membantu komuniti pekak individu tersebut menerusi ketersediaan mereka dalam menguasai kemahiran berkomunikasi yang berkesan menggunakan BIM dan BIK pascapersekolahan.

Seterusnya, komunikasi bahasa isyarat yang menyeluruh turut memberi impak kepada pelaksanaan Wawasan 10 SDG iaitu Mengurangkan Ketaksamarataan. Dalam konteks Malaysia, menggalakkan penggunaan bahasa isyarat dalam perkhidmatan awam serta media dan komunikasi sangat penting bagi memastikan akses maklumat dan peluang yang sama diberikan kepada komuniti pekak. Akses ini termasuklah pengumuman awam, perkhidmatan kerajaan dan maklumat kecemasan yang sentiasa tersedia dalam bahasa isyarat, maka jurang komunikasi dan jurang sosial dapat dirapatkan (World Federation of the Deaf, 2016). Menurut Kusters dan De Meulder (2021), kurangnya cara komunikasi yang berkesan antara warga pekak dengan warga bukan pekak boleh membawa kepada perselisihan faham, kurangnya penyertaan sosial dan peluang yang terhad buat individu pekak dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. Tambah Napier dan Leeson (2020) pula, ketiadaan pendidikan bahasa isyarat dalam kalangan warga bukan pekak menambah lagi kesukaran untuk mengatasi masalah-masalah ini, menghalang usaha dalam membina komuniti yang menyeluruh selain memupuk peluang yang saksama kepada semua ahli komuniti. Menangani jurang komunikasi ini adalah penting dalam memupuk masyarakat yang lebih menyeluruh. Sekiranya masalah komunikasi ini dapat ditangani dengan baik, individu pekak dan bukan pekak boleh berinteraksi dan bekerjasama melalui kesepakatan antara keduanya.

Bahasa isyarat merupakan sebuah bahasa visual (Muir & Richardson, 2005; Wood, Villanueva & Twain, 2010 & ConnectHear, 2020), justeru penyampaian interpretasi bahasa isyarat turut dikaitkan dengan terjemahan yang melibatkan penghasilan semula mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran yang mana dalam konteks kajian ini, penterjemahan yang berlaku melibatkan bahasa lisan dan bahasa isyarat. Interpretasi yang lancar bukan sahaja akan memberi manfaat kepada warga pekak, malah turut memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam komunikasi yang diinterpretasikan oleh jurubahasa isyarat. Selain kod tangan dan isyarat, komunikasi menggunakan bahasa isyarat di Malaysia juga banyak dipengaruhi mimik muka, dan gerak tubuh. Sama seperti bahasa-bahasa lisan yang mempunyai nada dan tempo bahasa, bahasa isyarat juga mempunyai cara penyampaian nada dan tempo bahasa yang tersendiri. Hasil temu bual bersama jurubahasa (JBI A dan JBI I) mendapati elemen-elemen ini dilihat memberi kesan kepada penyampaian dan pemahaman bahasa isyarat oleh jurubahasa dan warga pekak.

1.3 Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi tiga objektif kajian:

- i. Menerangkan penggunaan BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat oleh jurubahasa isyarat di Malaysia.
- ii. Membandingkan unsur semiotik dalam penyampaian interpretasi dalam BIM dan BIK.
- iii. Mengkaji pemahaman khalayak berdasarkan mesej yang diinterpretasikan jurubahasa menggunakan BIM dan BIK berdasarkan kategori ketepatan, ekspresi dan penyampaian.

Kajian ini juga dilakukan bagi menjawab tiga persoalan:

- i. Apakah penggunaan BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat di Malaysia?
- ii. Apakah perbandingan unsur semiotik yang wujud dalam penyampaian interpretasi BIM dan BIK?
- iii. Bagaimanakah mesej yang disampaikan jurubahasa menggunakan BIM dan BIK dapat difahami khalayak sasaran berdasarkan kategori ketepatan, ekspresi dan penyampaian?

1.4 Kerangka Teori

Kajian dilakukan berdasarkan Teori Pelengkap Intersemiotik oleh Royce (2007) dan analisis terjemahan data dilakukan berdasarkan *Performance Assessment Tool* (PAT) oleh Choi (2005). Teori Pelengkap Intersemiotik dipilih sebagai kerangka teori utama disebabkan kesesuaian teori tersebut dalam menganalisis bahan kajian yang terdiri daripada dua jenis medium bahasa iaitu daripada teks bercetak (mod sumber) kepada bahasa isyarat (mod sasaran).

Teori Pelengkap Intersemiotik oleh Royce (2007) ialah satu teori yang menekankan penggunaan pelbagai mod dalam melakukan terjemahan. Beliau menerangkan dalam sesuatu terjemahan perlambangan ataupun terjemahan intersemiotik, mod sumber yang boleh terdiri daripada bahasa lisan mahupun teks dan mod sasaran iaitu secara visual yang mana dalam kajian ini menggunakan bahasa isyarat perlu saling melengkapi untuk menyampaikan mesej secara berkesan dan teratur kepada khalayak sasaran. Mod sasaran yang terhasil mestilah berdasarkan mod sumber dan boleh berkait antara satu sama lain menerusi penggunaan ciri-ciri linguistik atau intersemiotik yang terkandung dalam setiap satunya. Jurubahasa sebagai penyampai mod sasaran perlu memastikan khalayak sasaran memahami konteks komunikasi yang

berlaku, justeru penyampaian interpretasi yang dilakukan mestilah sama seperti konteks mod sumber.

Bagi menganalisis terjemahan pula, pengkaji melakukan penilaian prestasi berdasarkan *Performance Assessment Tool* (PAT) oleh Choi (2005). Berdasarkan PAT, pengkaji menilai terjemahan yang dilakukan berdasarkan tiga kategori iaitu ketepatan, ekspresi dan penyampaian. Penilaian digunakan bagi membanding hasil terjemahan data sumber dalam BIM dan BIK.

Penjelasan yang lebih lanjut berkaitan kerangka teori kajian ini boleh dilihat dalam Bab 3.

1.5 Metodologi

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat mengikut keperluan kajian. Peringkat pertama melibatkan pengumpulan maklumat tentang bahan yang akan dikaji. Pada peringkat ini, kajian kepustakaan digunakan bagi mengumpulkan maklumat.

Seterusnya dalam peringkat kedua, data kajian dikumpul melalui percampuran kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Menurut Edmonds dan Kennedy (2016), bagi menjalankan satu kaedah kajian campuran yang berkesan, pengkaji mestilah mempunyai pemahaman yang jelas dalam membezakan ciri-ciri kaedah kuantitatif yang mementingkan data berangka dan lebih tertutup dengan ciri-ciri kaedah kualitatif yang menekankan aspek penerangan data dan memberi dapatan kajian yang lebih bersifat terbuka. Menerusi kajian ini, pengkaji melakukan temu bual bersama jurubahasa isyarat, guru-guru pelajar pekak dan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan pandangan pengguna BIM dan BIK tentang isu yang dikaji. Penggabungan kedua-dua kaedah ini memberi pemahaman yang menyeluruh tentang bagaimana mesej disampaikan dan diterima, memastikan perspektif yang seimbang dari

kedua-dua pihak iaitu JBI dan khalayak sasaran (Creswell & Plano Clark, 2018). Data yang dikumpul kemudiannya dinilai dari aspek pemahaman khalayak tentang mesej yang disampaikan jurubahasa.

Peringkat ketiga pula melibatkan peringkat analisis data. Melalui video rakaman yang telah dilakukan, pengkaji menyediakan transkripsi video bagi mengenal pasti struktur ayat yang digunakan oleh kedua-dua jurubahasa tersebut. Menerusi transkripsi itu, pengkaji membandingkan hasil interpretasi yang dilakukan dengan bahan asal yang telah diberikan kepada kedua-dua jurubahasa sebelum melakukan interpretasi. Dalam peringkat ini juga, Teori Pelengkap Intersemiotik (Royce, 2007) yang disokong penilaian terjemahan berdasarkan *Performance Assessment Tool* (PAT) (Choi, 2005) digunakan bagi menerangkan perbezaan yang berlaku terhadap penyampaian mesej selepas interpretasi dilakukan.

Peringkat terakhir ialah peringkat pelaporan. Dalam peringkat ini, pengkaji mencatat setiap perbezaan yang ada dalam gaya interpretasi yang digunakan oleh kedua-dua jurubahasa dengan memfokuskan kepada penyampaian mesej dalam kedua-dua gaya bahasa isyarat iaitu BIM dan BIK. Kemudian, pengkaji membandingkan perbezaan-perbezaan tersebut bagi mengenal pasti sekiranya berlaku perubahan dalam penyampaian mesej selepas interpretasi dilakukan sebelum membuat kesimpulan tentang keseluruhan kajian.

Penerangan lanjut berkaitan metodologi kajian akan dikupas dalam Bab 3.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan penyampaian mesej interpretasi dalam BIM dan BIK. Berdasarkan PAT oleh Choi (2005), pengkaji melakukan kajian berdasarkan tiga kategori iaitu ketepatan, ekspresi dan penyampaian.

Pengkaji menemu bual seramai 12 orang jurubahasa isyarat yang terdiri daripada 4 jurubahasa isyarat dan 8 guru yang mengajar pelajar pekak sebelum melakukan tinjauan pemahaman khalayak terhadap 60 murid pekak sekolah rendah dan menengah bagi mengkaji dan menilai pemahaman kesemua responden terhadap mesej interpretasi yang disampaikan jurubahasa isyarat atau guru pelajar pekak.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap kajian ini akan memberi impak yang positif terhadap pengajian dan kerjaya berkaitan interpretasi bahasa isyarat, baik kepada jurubahasa isyarat itu sendiri, mahupun warga pekak di Malaysia. Bertepatan dengan objektif kajian, pengkaji berharap dapat memperkenalkan BIK kepada bidang kajian interpretasi bahasa isyarat di Malaysia, selain dapat menerangkan perbezaan yang wujud antara BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat menerusi kajian yang dilakukan. Pengkaji juga berharap dapat membantu jurubahasa dalam melakukan pemilihan cara penyampaian mesej yang lebih berkesan berdasarkan pemahaman mesej oleh warga pekak sendiri. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada koleksi bahan kepustakaan berkaitan interpretasi, bahasa isyarat di Malaysia dan interpretasi bahasa isyarat di Malaysia.

1.8 Definisi Konsep

Orang Pekak: Frasa nama “orang pekak” dalam kajian ini merujuk kepada golongan yang mempunyai masalah pendengaran sama ada mereka yang pekak sepenuhnya ataupun kurang pendengaran (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014). Orang pekak berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat sesama warga pekak dan menggunakan khidmat jurubahasa isyarat bagi berkomunikasi dengan “orang bukan pekak” yang tidak memahami bahasa isyarat.

Orang Bukan Pekak: Frasa nama ini merujuk kepada orang yang tiada masalah pendengaran ataupun tidak pekak bagi menggantikan istilah orang “normal” yang memberi konotasi orang pekak sebagai tidak normal. Orang bukan pekak berkomunikasi menggunakan bahasa lisan ataupun bahasa percakapan sesama warga pekak dan memerlukan perkhidmatan jurubahasa isyarat dalam berkomunikasi dengan warga pekak.

Jurubahasa Isyarat: Dalam konteks kajian ini, jurubahasa isyarat merujuk kepada orang yang menjadi perantara antara warga pekak dan warga bukan pekak. Jurubahasa isyarat ialah orang yang menterjemahkan bahasa pertuturan kepada bahasa isyarat dan sebaliknya untuk orang pekak (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2018). Jurubahasa isyarat merupakan warga bukan pekak yang boleh dan mahir berkomunikasi dalam bahasa lisan dan bahasa isyarat.

Khalayak Sasaran: Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (PRPM, 2017), khalayak ialah orang ramai yang menjadi pembaca (pendengar atau penonton), manakala sasaran pula ialah sesuatu yang menjadi tujuan komunikasi, justeru dalam konteks kajian ini khalayak sasaran ialah orang ramai yang menjadi penerima mesej yang diterjemahkan jurubahasa isyarat dalam sesuatu konteks komunikasi. Khalayak sasaran boleh terdiri daripada warga bukan pekak dan warga pekak.

Bahasa Isyarat Malaysia: Bahasa isyarat rasmi di Malaysia dan dijadikan bahasa isyarat utama dalam komunikasi antara warga pekak dengan warga bukan pekak (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2014).

Bahasa Isyarat Komunikasi: Bahasa isyarat yang digunakan dan diajar kepada para murid pekak di Malaysia pada peringkat sekolah rendah. BIK dijadikan salah satu mata pelajaran rasmi yang diajar kepada kanak-kanak pekak di Malaysia supaya mereka

lebih mudah berkomunikasi antara satu sama lain terutamanya di luar bilik darjah. Isyarat-isyarat BIK dibentuk berdasarkan empat jenis bahasa isyarat iaitu KTBM, BIM, *American Sign Language* (ASL) dan *Signing Exact English* (SEE) (Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Rodhiha, Nor Azizah & Mohd Noor Aszlan, 2016).

Mesej Bahasa Isyarat: Idea ataupun konteks komunikasi yang disampaikan dalam bentuk bahasa isyarat. Mesej bahasa isyarat boleh disampaikan oleh mana-mana pengguna bahasa isyarat termasuklah warga pekak dan jurubahasa isyarat.

Terjemahan Intersemiotik: Intersemiotik dirujuk para sarjana sebagai satu bidang berkaitan makna komunikasi menerusi sistem perlambangan (Gottlieb, 2018). Terjemahan intersemiotik ialah sejenis terjemahan yang terhasil daripada perlambangan bahasa lisan. Terjemahan intersemiotik dalam bahasa isyarat melibatkan gerak tubuh, gerak bibir, reaksi wajah dan apa-apa sahaja pergerakan lain selain bahasa isyarat itu sendiri yang dilakukan oleh pengguna-pengguna bahasa isyarat.

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini merangkumi lima bab.

Bab 1 ialah bahagian pengenalan yang merangkumi rangka asas bagi kajian yang dilakukan. Bahagian ini menyatakan pernyataan masalah serta menyenaraikan objektif kajian dan persoalan tentang kajian. Selain itu, Bab 1 turut memperkenalkan secara ringkas kerangka teori, metodologi serta menerangkan batasan kajian dan kepentingan kajian yang dilakukan.

Bab 2 merupakan penulisan sorotan literatur dan metodologi kajian. Bab ini membincangkan tentang hubungan dan kaitan antara tiga bidang iaitu bahasa isyarat, interpretasi bahasa isyarat dan terjemahan intersemiotik dengan penekanan terhadap penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK)


dalam kehidupan warga pekak, khususnya di Malaysia. Bab ini menjelaskan kerangka teori berkaitan kajian dan menggariskan struktur teori yang digunakan dalam kajian. Tiga kerangka teori yang digunakan adalah Model Interaksi (Pöchhacker, 1992), Teori Pelengkap Intersemiotik (Royce, 2007) dan Penilaian Prestasi berdasarkan PAT (Choi, 2005).

Bab 3 ialah bab yang menerangkan tentang metodologi kajian. Bab ini menyenaraikan dan menjelaskan kaedah yang digunakan dalam mencari dan mengumpul data kajian.

Bab 4 pula merupakan analisis data. Bahagian ini akan menunjukkan cara data yang diperoleh pengkaji dianalisis beserta contoh-contoh yang bersesuaian. Pengkaji membandingkan dan membezakan hasil interpretasi yang menggunakan BIM dan BIK dalam konteks penyampaian mesej berpandukan kerangka-kerangka teori yang telah dipilih.

Bab 5 iaitu bahagian terakhir menyimpulkan semua hasil kajian berdasarkan data-data yang telah diperolehi semasa bahagian ketiga. Akhir sekali, bab ini turut menyatakan keperluan dalam mengisi ruang yang ada dalam topik berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

1.10 Carta Alir Kajian



BAB 2

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini dilakukan bagi mengkaji perkaitan antara bahasa isyarat, interpretasi bahasa isyarat dan terjemahan intersemiotik. Ketiga-tiga elemen ini berkait rapat dalam mengkaji perhubungan antara penggunaan dua jenis bahasa isyarat, iaitu BIM dan BIK dalam interpretasi bahasa isyarat. Dalam melakukan kajian, pengkaji menggunakan tiga teori utama iaitu Model Interaksi Pöchhacker (1992), Teori Pelengkap Intersemiotik (Royce, 2007) dan Teori Penilaian Prestasi berdasarkan *PAT* (Choi, 2005).

2.1 Bahasa Isyarat

Menurut Sandler dan Lillo-Martin (2006), bentuk tangan dalam bahasa isyarat selalunya terbentuk daripada gerak isyarat asas manusia yang selalu digunakan dalam komunikasi bukan lisan yang mana bentuk-bentuk tangan tersebut selalunya mewakili objek, tindakan atau konsep yang boleh difahami merentasi budaya sesuatu komuniti. Gerak isyarat yang digunakan itu terakam dalam komuniti pekak sebagai bentuk tangan yang khusus dalam bahasa isyarat, seterusnya berkembang secara semula jadi dan bebas daripada bahasa lisan (Sandler & Lillo-Martin, 2006). Tambah Sandler dan Lillo-Martin (2006) lagi, proses perkembangan isyarat biasanya bermula dengan gerak isyarat dan bentuk tangan yang mudah sebelum perlahan-lahan berkembang dan menjadi lebih bernuansa dan terakam yang kemudiannya membentuk tatabahasa dan sintaksis tersendiri yang berlainan dengan bahasa lisan.

Asal usul bentuk tangan dalam bahasa isyarat berakar umbi dalam gerak isyarat manusia dan komunikasi visual yang dipengaruhi konteks budaya dan evolusi semula jadi bahasa dalam komuniti pekak. Bentuk tangan yang merupakan komponen asas bahasa isyarat, memainkan peranan sebagai unit fonologi yang membantu menyampaikan makna serta mencerminkan sifat dinamik komunikasi manusia apabila

berlakunya perkembangan bahasa isyarat dengan gabungan kedua-dua bentuk tangan yang ikonik dan abstrak (Bentari, 2010).

Stokoe dalam Roy dan Napier (2015) memberi definisi bahasa isyarat sebagai sebarang sistem komunikasi berstruktur yang dipersembahkan dalam bentuk isyarat menggunakan anggota tangan, badan dan muka penutur. Sistem komunikasi tersebut berbeza daripada gerakan jari yang digunakan dalam bahasa lisan. Kenyataan beliau turut disokong oleh Gerver dan Sinaiko (1977) yang menyatakan pembentukan dan struktur bahasa isyarat bebas daripada struktur dan pembentukan bahasa lisan walaupun dalam bahasa isyarat dan bahasa lisan tersebut berasal daripada komuniti bahasa yang sama. Goh dan Teh (1993) memberi definisi bahasa isyarat sebagai bahasa yang digunakan dalam komunikasi harian warga pekak dan bahasa tersebut digunakan untuk mereka berfikir, belajar dan meluahkan pemikiran.

Pendapat tersebut disokong oleh Hasuria Che Omar (2009) yang menyatakan bahasa isyarat merupakan bahasa yang digunakan oleh warga pekak untuk berkomunikasi secara visual antara satu sama lain. Dalam sistem bahasa isyarat, warga pekak menggunakan pergerakan tangan, badan dan muka untuk menyampaikan sesuatu maksud, pandangan, idea dan sebagainya, manakala warga pekak menggunakan deria penglihatan untuk menerima dan memahami maksud isyarat tersebut. Definisi secara am boleh dilihat dalam Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2016) yang menerangkan bahasa isyarat sebagai satu cara berkomunikasi yang tidak menggunakan ucapan atau tulisan sebagaimana yang sering digunakan dalam sesuatu bahasa tetapi menggunakan gerak isyarat anggota.

Dalam pembentukan bahasa isyarat dunia, *American Sign Language* ataupun ASL merupakan salah satu bahasa isyarat yang mempunyai pengaruh dalam menjadi

asas penubuhan kosa kata dan struktur bahasa isyarat termasuklah bahasa-bahasa isyarat yang digunakan di Malaysia iaitu KTBM, BIM dan BIK. Menurut Lane, Hoffmeister dan Bahan (1996), ASL sendiri berasal daripada Bahasa Isyarat Perancis (*Langue des Signes Française* atau LSF) atas hasil usaha Laurent Clerc dan Thomas Gallaudet yang merupakan pengasas sekolah Amerika pertama untuk warga pekak pada tahun 1871. Penyebaran ASL berlaku disebabkan penggunaannya dalam pendidikan dan dakwah yang membawa kepada pengaruh ASL dalam pembentukan bahasa-bahasa isyarat lain (Supalla & Clark, 2015). Supellaa dan Clark (2015) juga memberi gambaran bahawa dengan memperkenalkan ASL dalam program pendidikan warga pekak, secara langsung ASL sebenarnya telah menyumbang kepada pembentukan bahasa isyarat warga pekak itu sendiri. Jika dilihat dalam konteks Malaysia, BIM turut mengadaptasi dan menggunakan kod tangan serta isyarat-isyarat ASL tetapi masih lagi menjadi sebuah bahasa isyarat yang tersendiri dengan sistem bahasa dan kosa katanya yang terikat dengan budaya dan norma hidup warga pekak di Malaysia.

Dalam melakukan penyelidikan berkaitan bahasa isyarat di Malaysia, pengkaji turut melihat dan membandingkan cara bahasa-bahasa isyarat diperkenal dan digunakan di dunia. Antaranya ialah Bahasa Isyarat Australia atau Auslan. Pendidikan untuk pelajar pekak berkembang dengan pesat di Australia dengan menggunakan Auslan yang diiktiraf sebagai bahasa isyarat utama bagi warga pekak Australia (Johnston, 2020). Berdasarkan kajian yang dilakukan Johnston (2020), Australia kini dalam peralihan model pendidikan dwibahasa untuk orang pekak yang mana kedua-dua Auslan dan bahasa Inggeris digunakan dalam pendidikan bagi membolehkan pelajar pekak belajar dalam bahasa isyarat yang menjadi bahasa ibunda mereka, di samping menguasai literasi bahasa Inggeris bertulis yang penting untuk komunikasi dan akses maklumat yang lebih meluas.

Dari aspek penggunaan bahasa isyarat di Australia, selain Auslan, terdapat beberapa bahasa isyarat utama yang digunakan komuniti pekak Australia seperti Bahasa Isyarat Warlpiri dan Bahasa Isyarat Yolngu yang mempunyai konteks budaya yang khusus bagi orang asli Australia (Kendon, 1988). Pelajar pekak di Australia juga menggunakan *Signed English* dalam pembelajaran mereka. Menurut Johnston dan Schembri (2007), *Signed English* bukanlah sebuah bahasa isyarat seperti Auslan yang terbentuk mengikut budaya dan keperluan warga pekak di Australia, tetapi lebih dikenali sebagai satu sistem kod tangan yang menyamai Bahasa Inggeris bagi membolehkan pembelajaran Bahasa Inggeris dilakukan dengan lancar, mengikut sistem dan nahu bahasa Inggeris. Namun begitu, tambah Johnston dan Schembri (2007), *Signed English* bukanlah satu bahasa yang digunakan dalam konteks komunikasi harian oleh komuniti pekak di Australia tetapi lazimnya diguna dalam konteks pembelajaran semata-mata.

Selain perubahan model pendidikan yang mana kebanyakan sekolah turut menawarkan program khusus untuk pelajar pekak dengan menggunakan Auslan sebagai bahasa pengantar, kerajaan Australia juga memberi sokongan terhadap penggunaan Auslan dalam pendidikan dengan menyediakan dana bagi pemantapan jurubahasa Auslan dan latihan guru-guru pelajar pekak serta sumber yang direka khusus untuk pelajar pekak (Hyde & Power, 2021). Kerajaan Australia menyokong penerapan Auslan dalam konteks pendidikan dengan menyediakan pembiayaan untuk jurubahasa Auslan, latihan guru dan sumber yang direka khusus untuk pelajar Pekak. Banyak sekolah kini menawarkan program khusus untuk pelajar Pekak, di mana Auslan digunakan sebagai bahasa pengantar. Program-program ini penting dalam memastikan pelajar Pekak menerima pendidikan berkualiti yang boleh diakses dan disesuaikan dengan keperluan mereka (Hyde & Power, 2021).

Di samping Auslan, sistem bahasa-bahasa isyarat di negara-negara jiran turut menarik minat pengkaji dalam mengkaji dan memahami cara bahasa isyarat diguna dan diterapkan dalam sesebuah negara. Contohnya, Bahasa Isyarat Thailand (TSL). Menurut Woodward (1996) dan Ratchfor (2018), kebanyakan sekolah pelajar pekak di Thailand menggunakan model pendidikan dwibahasa-dwibudaya yang menggunakan TSL sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Thai bertulis diajar sebagai bahasa kedua yang bertujuan untuk memastikan para pelajar pekak fasih dalam kedua-dua TSL dan bahasa Thai bertulis supaya warga pekak boleh sepenuhnya mengakses kurikulum sekolah serta mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah, justeru keupayaan menyediakan pelajar pekak dengan asas kemahiran berbahasa yang kukuh dalam TSL yang merupakan bahasa ibunda mereka memainkan peranan penting dalam keberkesanan model pendidikan yang penting bagi perkembangan kognitif serta kejayaan akademik para pelajar pekak di Thailand. Bagi memastikan keberkesanan tersebut, kerajaan Thailand turut menyediakan latihan TSL kepada guru-guru bagi memastikan para guru boleh mengajar dengan berkesan. Meskipun begitu, perkembangan TSL berdepan dengan cabaran apabila melibatkan kawasan luar bandar yang mempunyai akses terhadap sumber pendidikan dan pendidik terlatih TSL (Ratchford, 2018).

Dalam konteks komunikasi harian, TSL menjadi mod interaksi utama bagi komuniti pekak Thailand melalui penggunaan TSL yang meluas, TSL memudahkan pembinaan komuniti dan interaksi sosial berlaku kerana berlakunya penglibatan yang penuh seseorang individu pekak dalam masyarakat (Woodward, 1996; Rajapattanakul, 2021). Rajapattanakul (2021) menjelaskan bahawa kerajaan Thailand dan pelbagai organisasi semakin menyedari keperluan TSL dalam perkhidmatan awam seperti hospital, mahkamah dan pejabat kerajaan yang membawa kepada penyediaan

jurubahasa TSL bagi memastikan warga pekak Thailand dapat mengakses perkhidmatan yang disediakan kerajaan tanpa berlakunya halangan dalam berkomunikasi. Rentetan daripada ini, kebolehcapaian media turut bertambah baik dengan tersedianya jurubahasa TSL dalam banyak saluran televisyen dan siaran berita yang bukan sahaja memastikan penonton pekak mendapat akses kepada maklumat penting, tetapi turut meningkatkan kesedaran orang ramai tentang komuniti pekak dan kepentingan TSL (Rajapattanakul, 2021).

Cara negara-negara luar memperkenalkan dan memperluas penggunaan bahasa isyarat mereka yang tersendiri menarik minat pengkaji untuk meneliti dan memahami lebih lanjut tentang cara negara-negara tersebut mengguna dan memperkukuh bahasa isyarat masyarakat pekak mereka dengan berkesan dan menyeluruh. Penggunaan bahasa isyarat yang jelas bagi tujuan komunikasi harian dan pendidikan menjadikan pemeraksanaan bahasa isyarat dalam kalangan rakyat pekak mereka lebih sistematik dan menyeluruh tanpa menyisihkan pengaruh budaya dan cara hidup rakyat yang pelbagai. Pembahagian penggunaan bahasa isyarat yang jelas antara komunikasi harian dan pendidikan memberi impak yang positif terhadap kaedah pembelajaran yang selari dengan mereka yang bukan pekak kerana masalah kekeliruan bahasa yang mungkin berlaku sudah mula diatasi dari peringkat awal.

2.1.1 Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)

Dalam konteks komuniti warga pekak di Malaysia, penyampaian bahasa isyarat lebih lazim dijumpai dalam tiga bentuk bahasa iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) yang merupakan bahasa rasmi warga pekak Malaysia, Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) yang digunakan sebagai medium bahasa rasmi dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pekak, serta Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) yang mula digunakan pada tahun 2016.